

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, November 10, 2019 3:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 110 Staf UUM Terima Lantikan Secara Tetap



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 NOVEMBER 2019 / 13 RABIULAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

110 STAF UUM TERIMA LANTIKAN SECARA TETAP



UUM ONLINE: Seramai 110 staf UUM terdiri daripada kumpulan staf akademik, Pengurusan dan Profesional (P&P) dan pentadbiran telah dilantik secara tetap bagi tahun 2019 dan diraikan pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Staf Lantikan Tetap 2019 di Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada semua staf terlibat.

Pada majlis itu, beliau mengingatkan supaya semua staf menunaikan amanah yang diberikan dengan penuh komitmen dan berharap semua yang dilantik sentiasa bekerjasama dalam setiap urusan demi menjayakan agenda universiti.

“Teruskan berkhidmat dengan penuh amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam setiap urusan serta uruskan masa dengan baik yang penting kerja mestilah berfokus dan gembira,” katanya.

Sementara itu, pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Dr. Shahrizal Badlishah berkata, pertemuan dengan Naib Canselor merupakan satu majlis yang sarat dengan perkongsian tentang hala tuju universiti dalam usaha untuk mencapai matlamat yang telah digariskan.

Menurutnya, sepanjang bekerja di UUM sejak 2012, dia berpeluang bekerja dengan staf dari pelbagai peringkat yang mempunyai latar belakang dan pengalaman kerja yang berbeza, seterusnya menjadikan UUM sungguh unik.

Manakala Penolong Pengarah di Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSU), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, M Shahadat Ali Nordin berkata, lantikan tersebut adalah sebagai tanda kepercayaan yang tinggi daripada UUM kepadanya untuk berkhidmat di universiti ini.

“Saya telah menimba banyak perkara baharu yang amat berharga antaranya ilmu pengurusan dan pentadbiran, pengurusan aset dan sumber manusia.

“Pengalaman kerja sukar ditafsir dan ianya berbeza-beza mengikut situasi. Pelbagai prosedur dan asas pengurusan yang perlu dipelajari secara berterusan, malah kerjasama di antara semua pihak dan saling menghormati itu sangat penting dalam diri seorang pekerja.

“Prinsip hidup saya mudah, selagi sesuatu perkara membawa kebaikan dan positif, selagi itu perkara tersebut perlu diteruskan demi kebaikan bersama,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.